



## INTERNATIONAL JOURNAL OF HUMANITIES, PHILOSOPHY AND LANGUAGE (IJHPL)

[www.ijhpl.com](http://www.ijhpl.com)



# FUNGSI BINATANG DALAM PANTANG LARANG MELAYU BERDASARKAN TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

## *FUNCTIONS OF ANIMAL IN MALAY TABOOS BASED ON THE THEORY OF MALAY STUDIES*

Fadzilah Kassim<sup>1</sup>, Norazimah Zakaria<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia  
Email: fadzilahhexora@gmail.com

<sup>2</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia  
Email: norazimah@fbk.upsi.edu.my

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 23.12.2020

Revised date: 03.01.2021

Accepted date: 10.03.2021

Published date: 15.03.2021

#### To cite this document:

Kassim, F., & Zakaria, N. (2021). Fungsi Binatang dalam Pantang Larang Melayu Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (13), 37-58.

DOI: 10.35631/IJHPL.413004.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



### Abstrak:

Orang Melayu menggunakan kreativiti dan kebijaksanaan mereka untuk menyampaikan maksud tersirat di dalam pantang larang. Pantang larang merupakan suatu disiplin yang disampaikan secara lisan oleh masyarakat Melayu tradisi dan diwarisi secara turun temurun. Pantang larang juga merupakan salah satu cara bagi masyarakat dahulu kala menyampaikan nasihat serta pengajaran secara bersopan dan berperanan sebagai alat kawalan sosial dalam masyarakat. Tujuan makalah ini adalah untuk mengenalpasti unsur binatang dan menganalisis fungsi binatang di dalam pantang larang Melayu. Binatang dipilih kerana ia amat dekat dengan masyarakat Melayu dan banyak digunakan dalam pantang larang Melayu. Makalah ini menggunakan buku *Pantang Larang Orang Tua-tua kepada Anak Cucunya* (1948) yang diselenggarakan oleh Muhammad Dato Muda terbitan Malay Press, Kuala Pilah sebagai teks kajian. Makalah ini menggunakan Pendekatan Firasat di bawah Pengkaedahan Alamiah dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989). Pendekatan makalah ini menjurus kepada persoalan bagaimana pantang larang menjadi kepercayaan masyarakat dan apakah fungsi binatang dalam pantang larang Melayu. Berdasarkan persoalan-persoalan ini, maka binatang dapat dilihat fungsinya dalam pantang larang Melayu. Pemahaman dan penghayatan ini boleh dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan seharian khususnya dalam interaksi atau hubungan sesama ahli masyarakat. Proses ini akhirnya memenuhi matlamat paksi Teori Pengkaedahan Melayu iaitu untuk mencapai kebajikan, ketaqwaan dan kesusilaan. Dapatan kajian antara lain menyimpulkan bahawa binatang berperanan sebagai tanda keakraban masyarakat Melayu dengan alam seterusnya membawa maksud yang tersirat sebagai panduan dan lambang kecendekiaan masyarakat Melayu dalam pantang larang Melayu yang dirujuk.

**Kata Kunci:**

Fungsi, Binatang, Pantang Larang, Teori Pengkaedahan Melayu, Pendekatan Firasat

**Abstract:**

The Malays use their creativity and ingenuity to convey the sense of the taboo. Taboo is a discipline that was delivered orally by Malay tradition and passed down from generation to generation. Taboo is also one of the ways for the ancient society to convey advice and teaching politely and serve as a tool of social control in society. The purpose of this paper is to identify elements of animals and analyze the functions of animals in Malay taboos. Animals selected because it is very close to the community and is widely used in Malay taboos. This paper uses the book *Pantang Larang Orang Tua-tua kepada Anak Cucunya* (1948) which was maintained by Muhamad Dato Muda published by Malay Press, Kuala Pilah as the study text. This paper uses the Premonition approach under the Naturally Methodology base on the theory of Malay Studies by Hashim Awang (1989). The approach of this paper draws on to the questions of how taboos became the belief of the society and what is the function of animals in Malay taboos. The functions of animals in Malay taboos can be seen based on these questions. This understanding and appreciation can be used as a guide in daily life, especially in interactions or relationships among members of society. This process ultimately meets the goal of the Theory of Malay Studies which is to achieve virtue, piety, and decency. Among other findings concluded that the animal serves as a sign of familiarity with the nature of the Malay community in turn leads to the spirit as a guide and a symbol of the intelligent Malay community in Malay taboos.

**Keywords:**

Function, Animal, Taboos, Theory of Malay Methodology, Approach Premonition

**Pengenalan**

Kepercayaan awal masyarakat Melayu sebelum kedatangan agama Islam adalah 'animisme' iaitu mereka percaya semua benda di dalam dunia ini mempunyai roh atau semangat yang mempengaruhi kehidupan manusia sama ada baik atau buruk. Ekoran itu, wujud pelbagai kepercayaan yang menjadi amalan masyarakat pada masa itu. Hamidah Abdul Wahab (2013) menyatakan bahawa masyarakat Melayu kaya dengan kepercayaan dan amalan turun temurun yang menjadi sebahagian daripada peraturan sosial dan dikongsi bersama dalam kehidupan bermasyarakat. Kepercayaan ini dianggap penting memandangkan fungsinya sebagai alat kawalan sosial masyarakat. Salah satu kepercayaan masyarakat Melayu zaman tradisional ialah pantang larang. Pantang larang dilihat begitu penting dan merupakan satu proses dalam mendidik seseorang supaya dapat mengawal tingkah laku atau tindakan demi kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat.

Konsep amalan pantang larang ini dapat dilihat daripada dua aspek iaitu pantang larang dalam perbuatan dan pantang larang daripada penggunaan bahasa tabu (Nor Partinee Ghafar, 1996: 78 - 80). Bahasa ternyata dapat membimbing ahli masyarakat dalam mengawal tindakan supaya kekal dengan kesopanan dan kesantunan masyarakat Melayu. Menerusi perbuatan, didapati ada

beberapa pantang larang yang menegah atau melarang ahli masyarakat daripada melakukan perbuatan yang dianggap boleh menjejaskan keharmonian dalam masyarakat. Di samping itu, amalan pantang larang ini juga dapat dilihat daripada aspek bahasa yang dipertuturkan. Kebanyakan pantang larang yang ada begitu mementingkan penggunaan bahasa yang bersifat halus atau tersirat.

Setiap pantang larang yang diperturunkan semestinya berunsur positif supaya ahli masyarakat dapat mengawal diri daripada melakukan perbuatan yang boleh merugikan diri sendiri dan masyarakat setempat. Dilihat dari isinya, pantang larang merupakan norma-norma yang harus diperhatikan oleh masyarakat dalam berbuat dan bertingkah laku, sebab itu budaya pantang larang ini mengandungi nilai-nilai yang memandu masyarakat dalam bertindak (Nurmalina, 2015: 28). Menerusi amalan pantang larang juga, nilai luhur atau nilai murni masyarakat Melayu jelas terserlah. Kekreatifan dan kebijaksanaan orang Melayu tradisional dalam menyampaikan nasihat yang berguna secara halus menerusi pantang larang wajar dipuji dan bertepatan sekali untuk dijadikan panduan dalam mengawal tindakan agar tidak dipandang serong oleh ahli masyarakat. Menurut Mohd. Anuar Ramli dan Syamsul Azizul Marinsah (2014), kepelbagaian pantang larang ini pada dasarnya adalah untuk menjamin keharmonian hidup bermasyarakat dan dijadikan sebagai peraturan untuk mengelak musibah dan menghalang sesuatu yang tidak baik dari berlaku.

Kehidupan masyarakat Melayu tradisional memang akrab dengan alam. Unsur alam merupakan budaya masyarakat Melayu yang berupaya membentuk dan mempertahankan kerohanian individu dan kelompok ke arah pembangunan sahsiah positif (Roslina Abu Bakar dan Aone van Engelenhoven, 2016: 44). Penggunaan haiwan sebagai lapisan tersurat oleh penyair Melayu memperlihatkan pengaruh al-Quran yang juga menggunakan unsur haiwan sebagai metafora atau misal perbandingan. Kitab suci al-Quran diturunkan dengan keindahan ayat-ayat yang mengandungi metafora dan misal perbandingan terutama yang dikaitkan dengan unsur-unsur alam. Hal ini dapat dilihat menerusi firman Allah SWT yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah tiada segan membuat perumpamaan berupa nyamuk atau yang lebih rendah dari itu. Adapun orang-orang yang beriman, maka mereka yakin bahawa perumpamaan itu benar dari Rabb mereka, tetapi mereka yang kafir mengatakan: “Apakah maksud Allah menjadikan ini untuk perumpamaan?” Dengan perumpamaan itu banyak orang yang disesatkan oleh Allah, dan dengan perumpamaan itu (pula) banyak orang yang diberinya petunjuk. Dan tidak ada yang disesatkan Allah kecuali orang yang fasiq” (Surah al-Baqarah, ayat 26). Petikan ayat di atas menunjukkan bahawa objek alam iaitu nyamuk yang kecil dan lemah telah dijadikan oleh Allah SWT sebagai ‘bahan perbandingan’ dengan tujuan memberi peringatan kepada manusia agar sentiasa memerhati dan memikirkan objek-objek alam yang telah dicipta oleh Allah SWT kerana segalanya mengandungi pengajaran dan contoh teladan untuk renungan bersama.

### **Permasalahan Kajian**

Pantang larang merupakan satu disiplin lisan yang terkandung dan diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat Melayu yang diwarisi secara turun temurun daripada nenek moyang. Terdapat perkaitan erat antara unsur alam dengan pantang larang yang membuktikan bahawa masyarakat Melayu tradisional amat akrab dengan alam dan persekitarannya. Justeru, penulis merasakan bahawa kajian ini perlu dibuat untuk mengekalkan warisan budaya ini agar tidak hilang lenyap dan supaya keakraban masyarakat dengan unsur alam dapat dijadikan panduan dan ikutan oleh generasi hari ini dan akan datang. Dalam kajian ini, unsur alam yang dipilih dan dianalisis ialah binatang sebagai salah satu unsur perlambangan alam yang banyak

digunakan dalam pantang larang Melayu. Muhammad Haji Salleh (2008: 134 - 135) menyatakan: “Sebagai penghuni kampung, dia juga hidup di samping bahagian alam yang lain, yang dianggap sama makhluk sepertinya. Ada haiwan, burung dan unggas, ada ikan dan ada pohon, rumput dan rumpai air. Ribuan jenis. Untuk hidup dia harus berubah menjadi manusia pengumpul maklumat tentang persekitarannya dan maklumat ini dipergunakan untuk meneruskan hidupnya.” Hal ini menjelaskan bahawa binatang berperanan penting dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Namun demikian generasi pada hari ini tidak banyak mengetahui akan unsur alam yang tersirat dan terkandung dalam pantang larang, apatah lagi untuk mengamalkan pantang larang tersebut. Senario pada hari ini juga menyaksikan betapa penghayatan dan pengamalan pantang larang dalam kalangan generasi muda pada hari ini khususnya dalam kalangan remaja semakin terhakis. Hal ini kerana pantang larang dianggap tidak lagi relevan untuk diamalkan kerana dianggap boleh memesongkan akidah dan menyebabkan mereka terjebak dengan perkara yang tidak logik. Masyarakat kini seharusnya mempunyai kesedaran tentang kepentingan amalan pantang larang dan fungsi binatang dalam pantang larang sebelum meminggirkan pantang larang tersebut. Dalam masyarakat Melayu tradisi, pantang larang berfungsi sebagai alat kawalan sosial dalam masyarakat. Dalam pantang larang, terkandung nilai-nilai murni berupa nasihat, pengajaran dan pendidikan yang menjadi panduan penting dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi. Peranan binatang dalam pantang larang bukan sahaja menjelaskan fungsinya secara tersirat malah menyerlahkan kekreatifan dan kebijaksanaan orang tua dalam menyampaikan nasihat yang berguna secara halus kepada masyarakat. Namun demikian, binatang dalam pantang larang Melayu memperlihatkan kepada kita tentang keakraban masyarakat Melayu tradisi dengan unsur alam. Justeru, sebagai salah satu disiplin lisan, masyarakat Melayu lama dilihat sedaya upaya mematuhi pantang larang ini demi kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat.

### **Tujuan Kajian**

Makalah ini mempunyai dua tujuan iaitu:

1. Mengenal pasti unsur binatang dalam pantang larang Melayu berdasarkan buku *Pantang Larang Orang-orang Tua Melayu kepada Anak Cucunya*.
2. Menganalisis fungsi binatang tersebut menggunakan Pendekatan Firasat dalam teori Pengkaedahan Melayu.

### **Bahan Kajian**

Kajian ini akan ditumpukan kepada sebuah teks tentang pantang larang Melayu iaitu Buku *Pantang Larang Orang Tua-tua Melayu kepada Anak Cucunya* oleh Muhamad Dato Muda yang dihasilkan pada tahun 1948 terbitan Malay Press, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Buku ini dicetak dalam tulisan Jawi dan terdiri daripada 30 halaman. Buku ini terbahagi kepada beberapa bahagian pantang larang iaitu pantang larang makanan, pantang larang ketika duduk, pantang larang bagi anak perempuan, pantang larang bagi anak lelaki, pantang larang am, pantang larang ketika tidur, pantang larang berkaitan rumah dan pantang larang rampaian. Secara keseluruhannya terdapat sebanyak 195 pantang larang di dalam buku kecil ini yang pastinya banyak memberi manfaat kepada masyarakat.

Buku ini sarat dengan adat dan pantang larang yang mencerminkan ketinggian pemikiran masyarakat Melayu tradisi. Isi kandungan buku ini juga dilihat menepati tajuk kajian yang akan dijalankan iaitu berkaitan pantang larang Melayu. Selain itu, buku ini juga banyak

menampilkan unsur perlambangan alam berbanding dengan buku-buku pantang larang yang lain. Setiap unsur perlambangan alam yang terdapat dalam pantang larang ini membawa makna yang tersendiri sama ada makna tersurat mahu pun makna tersirat dan hal ini secara tidak langsung akan membantu memudahkan kajian ini dijalankan.

### **Tinjauan Literatur**

Berdasarkan tinjauan yang telah dilakukan, didapati sudah terdapat kajian yang menggunakan Pendekatan Firasat dalam teori Pengkaedahan Melayu. Antaranya, kajian peringkat doktor falsafah yang berjudul “Fungsi Simbol dalam Mantera Melayu Berdasarkan Model Peirce Hashim Awang” (2017) oleh Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Mazarul Hasan menganalisis buku Haron Daud (2004) sebagai bahan utama yang bertajuk *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai bahan kajian. Sebanyak 3200 buah mantera dalam pelbagai jenis terkandung di dalam buku ini termasuk mantera Melayu dan mantera pribumi lain di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Dalam kajiannya, Mazarul Hasan menggunakan teori Semiotik Peirce dan teori Pengkaedahan Melayu untuk menganalisis fungsi simbol yang terkandung di dalam mantera. Pemilihan bahan utama ini dilihat daripada kajian aspek simbol berdasarkan teori Semiotik Peirce dan bentuk yang terdapat dalam mantera. Melalui penggunaan simbol tersebut, kajian yang dijalankan ini mencari makna dalam ruang lingkup pemikiran masyarakat Melayu melalui teori Pengkaedahan Melayu janaan idea oleh Hashim Awang yang difokuskan kepada Pendekatan Firasat.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat banyak simbol yang digunakan dalam mantera yang dikaji. Berdasarkan simbol-simbol tersebut, kajian ini telah mengelompokkan simbol-simbol ini mengikut kategori-kategori seperti binatang, tumbuhan, alam kosmos, makhluk ghaib, manusia dan benda. Setiap simbol mempunyai peranan tersendiri mengikut mantera-mantera yang diamalkan. Pendekatan Firasat dilihat turut memberi tumpuan kepada aspek makna dalam sesebuah karya. Seterusnya kajian juga mendapati simbol-simbol dalam mantera mempunyai empat kegunaan penting iaitu simbol sebagai terapi perubatan, terapi keselamatan, terapi kecantikan dan terapi kekuatan. Dapatlah disimpulkan di sini bahawa kekuatan kajian oleh Mazarul Hasan ini ialah berupaya membuktikan bahawa simbol dalam mantera mempunyai fungsi yang tersendiri sebagai terapi dan memberi pelbagai manfaat kepada pengamalnya. Namun begitu, kajian tersebut ini menggunakan bahan kajian dari genre yang berbeza iaitu genre mantera manakala kajian ini adalah bagi mengkaji fungsi binatang dalam pantang larang Melayu.

Kajian berkaitan pantang larang pula telah dijalankan oleh Noor Hasimah M Yacob et. al. (2015) menerusi kertas kerja yang bertajuk “Pantang Larang Tradisional di Kalangan Masyarakat Melayu” di Universiti Teknologi MARA Pahang. Kajian ini membincangkan berkenaan dengan pantang larang yang diamalkan dalam masyarakat Melayu. Selain itu, kajian berkenaan bertujuan untuk mendalami pelbagai jenis pantang larang yang diamalkan meliputi pantang larang terhadap ibu hamil, bapa, bayi, kanak-kanak, anak dara dan juga pantang larang ketika makan seterusnya melihat unsur-unsur nilai murni dan pengajaran yang ingin disampaikan oleh pantang larang tersebut. Di samping itu, tujuan lainnya ialah untuk menilai sama ada pantang larang masih relevan atau tidak di dalam kehidupan masyarakat Melayu pada zaman moden ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan pantang larang mempunyai nilai-nilai murni dan pengajaran yang baik kepada masyarakat. Kajian juga mendapati ada di antara pantang larang tradisional ini dilihat masih lagi relevan dan boleh dijadikan panduan dalam menjalani kehidupan seharian dalam masyarakat Melayu moden masa ini.

Dapatlah dirumuskan di sini bahawa kekuatan kajian tersebut ialah berupaya menampilkan amalan pantang larang dalam masyarakat Melayu yang memberi pengajaran dan nilai-nilai murni kepada masyarakat. Namun begitu, kajian ini sama sekali tidak menyentuh unsur perlambangan alam dalam pantang larang. Ekoran itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji pantang larang Melayu dari aspek yang berbeza iaitu melihat unsur perlambangan alam iaitu unsur binatang yang terdapat dalam pantang larang Melayu dari segi maknanya kepada masyarakat.

Kajian unsur binatang sebagai simbol pula didapati dalam tesis peringkat doktor falsafah yang berjudul “Simbol dan Makna dalam *Pantun Melayu Bingkisan Permata*” oleh Eizah Mat Hussain (2016), Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Kajian ini mengkaji dan menganalisis teks pantun dalam buku *Pantun Melayu Bingkisan Permata* (2001) terbitan Yayasan Karyawan, yang diselenggarakan oleh Harun Mat Piah. Pantun tersebut dianalisis menggunakan pendekatan Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh dengan mengambil satu prinsip utama iaitu Yang Indah-Indah: Estetika Sastera Melayu. Analisis tersebut menggunakan tiga sub-prinsip yang terkandung dalam prinsip Yang Indah-Indah: Estetika Sastera Melayu iaitu dunia luas yang dipadatkan, kiasan dan saranan dan dunia berjodoh yang memperlihatkan keindahan sesebuah pantun. Keindahan pantun dalam kajian ini tertumpu kepada simbol dan makna yang diungkapkan dalam pantun yang mempunyai makna simbolik yang sukar difahami. Hal ini dapat dilihat dan dibuktikan dalam penggunaan simbol yang lebih dominan dalam pantun iaitu simbol tumbuhan dan haiwan yang mempunyai makna berlapis-lapis yang perlu ditafsirkan dengan teliti. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti simbol dan makna yang memperlihatkan estetika Melayu, menganalisis simbol dan makna tumbuhan dan haiwan dalam pantun dan menilai simbol dan makna tumbuhan dan haiwan dalam *Pantun Melayu Bingkisan Permata*.

Dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga objektif kajian telah tercapai. Ringkasnya, untuk menjelaskan keindahan pantun melalui simbol dan makna yang diungkapkan dalam pantun perlulah menggunakan kaedah estetika pantun dalam pendekatan Puitika Sastera Melayu yang melihat keindahan pantun dari sudut pandangan orang Melayu sendiri. Namun demikian, kajian tersebut mengkaji simbol dan makna yang terdapat dalam pantun. Berbeza dengan kajian ini yang mengkaji fungsi binatang dalam pantang larang Melayu untuk melihat maknanya sama ada yang tersurat mahu pun yang tersirat yang berkait rapat dengan masyarakat Melayu.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan membuat kajian kepustakaan. Kaedah ini merangkumi pemerolehan data dan pemprosesan data. Kaedah ini digunakan untuk mengenal pasti pantang larang Melayu yang mengandungi unsur alam binatang dan memilih pantang larang yang berkaitan untuk dianalisis. Kajian ini secara amnya memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif bagi mengkaji unsur perlambangan alam yang terkandung di dalam pantang larang Melayu. Kaedah kajian kepustakaan ini dijalankan bagi mengumpul maklumat-maklumat yang diperlukan untuk kajian ini. Kaedah ini penting untuk mencari bahan-bahan rujukan seperti buku-buku ilmiah yang ditulis oleh pakar-pakar atau sarjana-sarjana dalam bidang yang berkaitan khususnya bidang kesusasteraan. Kajian ini akan menganalisis buku berkaitan pantang larang Melayu iaitu *Pantang Larang Orang Tua-tua Melayu kepada Anak Cucunya* oleh Muhamad Dato Muda (1948). Teks ini akan dianalisis dan dikupas secara terperinci dalam usaha untuk mengenal pasti unsur perlambangan alam binatang yang terdapat di dalam pantang larang dan menganalisis fungsi binatang dalam pantang larang Melayu. Sumber data daripada buku ini dianalisis dan diteliti berpandukan kerangka teori

Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang menggunakan Pendekatan Firasat. Fokus kajian ini ialah fungsi binatang yang disorot dari dua perspektif, iaitu perspektif Islam (yang berteraskan sumber tradisi Islam, al-Quran dan hadith) dan analisis teks *Pantang Larang Orang Tua-tua Melayu kepada Anak Cucunya* oleh Muhamad Dato Muda (1948).

### **Teori Pengkaedahan Melayu**

Hashim Awang (1989) mendapati bahawa pengarang-pengarang Melayu mempunyai ciri khas dalam penghasilan tulisan mereka. Beliau menggagaskan idea Pengkaedahan Melayu yang berdasarkan cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan masyarakat setempat, serta masyarakat Melayu yang melahirkan karya sasteranya sendiri. Gagasan Pengkaedahan Melayu digagaskan hasil daripada kesedaran tentang akar kehidupan dan kebudayaan masyarakat Melayu. Teori Pengkaedahan Melayu mempunyai dua kaedah utama, iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Agama (Hashim Awang, 1999: 2 - 3). Pengkaedahan Alamiah terdiri daripada tiga pendekatan, iaitu Pendekatan Gunaan – sastera dilihat sebagai objek alam yang kejadiannya mempunyai sebab, hikmah dan fungsi tertentu; Pendekatan Moral – sastera dilihat mempunyai kemanfaatan yang lebih jauh dan lebih besar daripada fungsinya sebagai suatu objek, sebaliknya sastera juga menyingkap dan memberikan pengalaman serta pengetahuan; Pendekatan Firasat – sastera ialah satu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup yang penuh misteri dan dianggap oleh masyarakat Melayu sebagai bermakna kepada kehidupan. Pengertian makna tersebut seperti mentafsir makna mimpi, iaitu proses menemukan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu yang wujud di dalamnya. Sebaliknya, Pengkaedahan Keagamaan dijelaskan sebagai suatu pendekatan yang berdasarkan kepada keimanan yang bersendikan akidah agama Islam. Pengkaedahan ini wujud berdasarkan konsep agama Islam sebagai agama anutan masyarakat Melayu yang kemudiannya menyebatkan diri dalam adat dan alam Melayu. Pengkaedahan Keagamaan terdiri daripada tiga pendekatan, iaitu Pendekatan Dakwah – melihat sastera sebagai suatu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah; Pendekatan Kemasyarakatan – melihat sastera sebagai alat pendedahan segala macam persoalan yang berakar kepada tujuan mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam; dan Pendekatan Seni – menjadikan unsur keindahan dalam sastera sebagai persoalan pokok. Keindahan di sini adalah keindahan yang membataskan dirinya kepada nilai-nilai etika Islam. Keindahan yang sedemikian sifat danuntutannya menjadi objek penelitian untuk ditemukan dalam sastera menerusi pelbagai aspek atau unsur pembinaannya dari segi bentuk luaran dan dalamnya, gaya penceritaan, kaedah pendedahan tema dan watak, atau pemakaian sudut pandangan dan gaya bahasanya (Hashim Awang, 1993: 56 - 57).

Teori Pengkaedahan Melayu diperkenalkan oleh Hashim Awang bertujuan memahami fenomena budaya, pemikiran, cara hidup, sikap dan pandangan orang Melayu Islam berasaskan nilai-nilai `tempatan` Melayu dan Islam. Hashim Awang (2002) menawarkan dua pengkaedahan iaitu, pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan agama. Dalam pengkaedahan alamiah misalnya, pengkritik boleh menggunakan kaedah gunaan, firasat dan moral. Berasaskan pengkaedahan agama pula dapat dimanfaatkan pendekatan dakwah, seni dan kemasyarakatan. Hashim Awang percaya bahawa karya kesusasteraan mengandungi himpunan pengalaman hidup manusia Melayu Islam yang sangat tinggi nilainya, dan pengalaman ini mencerminkan suatu ruang yang luas tentang segala aspek dan pandangan (*worldview*) Melayu Islam itu sendiri. Dengan berpandukan kitab *Tajulmuluk*, Hashim merumuskan signifikansi *worldview* Melayu Islam berlegar kepada enam perkara iaitu cakerawala, firasat, kesihatan manusia, mimpi dan gerak laku manusia dan perumahan. Dalam pengertian umum, firasat membawa maksud ramalan. Ramalan dalam konteks teori ini tidak setakat ramalan tetapi

ramalan yang mendokong makna-makna khusus sehingga memberi suatu gambaran yang benar-benar mencerminkan *worldview* Melayu Islam itu sendiri. Namun begitu, kepercayaan terhadap pantang larang ini telah menjadi amalan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Kini hanya golongan tua sahaja yang masih mengamalkannya.

### **Pendekatan Firasat**

Pendekatan Firasat berlandaskan kepada tanggapan bahawa sastera adalah satu kejadian alam semesta yang memberikan dan memperkayakan pengalaman hidup. Menurut Hashim Awang (1989: 63) kejadian itu dikaitkan dengan mimpi, iaitu suatu pengalaman hidup masyarakat Melayu sering dianggap bermakna kepada kehidupan untuk ditemukan pengertian atau pencarian makna mimpi, dikenali sebagai ta'abir, iaitu proses menemukan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu. Hashim Awang mencirikan Pendekatan Firasat seperti berikut:

- i. Sastera perlu dilihat sebagai memiliki sifat-sifat zahir dan batin atau yang sering disebut sebagai yang tersurat dan yang tersirat. Sifat zahir menjadi PENANDA, atau dalam masyarakat Melayu diistilah sebagai ALAMAT, untuk mendapatkan makna yang tersirat atau PENANDA.
- ii. Sastera dianggap sebagai wacana berlapis atau berkias yang memerlukan kerja-kerja penafsiran untuk menentukan makna atau isi dan tujuan sebenar yang mahu disampaikan oleh pengarang.
- iii. Dalam sastera terkandung makna atau isi yang tersembunyi; makna atau sisinya perlu dianalisis serta ditemukan melalui penafsiran sifat-sifat luarannya atau melalui sistem tanda dan lambang yang ternukil.
- iv. Sastera dalam konteks ini juga harus dilihat dan dikaji sebagai pembentukan wacana yang berperlambangan.

Pendekatan Firasat dalam bidang sastera ialah satu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup yang penuh misteri dan dianggap oleh masyarakat Melayu sebagai bermakna kepada kehidupan. Pengertian makna tersebut seperti mentafsir makna mimpi, iaitu proses menemukan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu yang wujud di dalamnya. Firasat juga diterangkan sebagai ramalan tentang seseorang berpandukan panduan yang dinyatakan dalam al-Quran dan berdasarkan ramalan baik buruk seseorang (Atikah Abdul Azam, Nur Yuhanis Md Nasir & Othman Mat Yatim, 2014). Makna firasat tersebut sama seperti yang diberikan oleh Rahman Shaari (2001) iaitu pengetahuan tentang tanda pada tubuh badan untuk mengetahui nasib atau kelakuan seseorang dan keadaan lahiriah yang dianggap mempunyai hubungan dengan tabiat dan kelebihan seseorang. Ilmu firasat menjadi suatu amalan yang penting dalam masyarakat dahulu. Ilmu ini menjadi panduan dalam menjalani urusan harian, memandangkan kepentingannya sebagai satu cara untuk meramal sesuatu perkara yang akan berlaku pada masa akan datang dan juga pada sekitar waktu tertentu, terutamanya dalam meramal keadaan cuaca, tarikh kelahiran dan hal mendirikan rumah. Ramalan ini dilihat berdasarkan perubahan alam, simbol haiwan tertentu, mimpi dan perlakuan seseorang. Kaedah ini merupakan panduan atau peringatan sebelum berlakunya perkara yang tidak baik (Atikah Abdul Azam, Nur Yuhanis Md Nasir & Othman Mat Yatim, 2014).

Golongan yang berpengetahuan dalam ilmu firasat juga dipandang tinggi dalam kalangan masyarakat. Penghormatan ini diberi darjat kebesaran dan tempat dalam pemerintahan keajaan sebagai ahli nujum diraja. Gambaran sedemikian dapat dilihat dalam cerita rakyat *Nujum Pak Belalang*. Kebetulan-kebetulan yang diramal oleh Pak Belalang akhirnya telah menyebabkan dia dilantik oleh Sultan sebagai ahli nujum diraja. Gambaran ini menunjukkan betapa



pentingnya ilmu firasat dalam kehidupan masyarakat pada zaman dahulu. Pengetahuan ilmu firasat dipercayai milik seseorang yang benar-benar mempunyai kepandaian, deria rasa dan pengetahuan yang tinggi. Mereka disimbolkan sebagai memiliki daya pemikiran melalui gerak hati daripada pemerhatian yang tajam. Mereka kemudian meluahkan ilmu itu dalam bentuk penulisan (Atikah Abdul Azam, Nur Yuhanis Md Nasir & Othman Mat Yatim, 2014).

Sehubungan itu, Harun Mat Piah (2015) mengkelaskan ilmu firasat termasuk dalam bidang sastera sains dan teknologi tradisional. Bidang ini menerapkan ilmu bahasa, ilmu hisab, ilmu bintang, ramalan dan penujuman (termasuk raksi dan ta'bir mimpi), ilmu firasat, ilmu pertukangan dan kesenian, ilmu perubatan dan ilmu berahi (seksologi, erotik). Beliau menjelaskan Ilmu Ramalan dan Penujuman terbahagi kepada enam jenis iaitu:

- (a) Ramalan Rejang
- (b) Ramalan bintang (ilmu bintang, ilmu nujum).
- (c) Ramalan melalui firasat (ilmu firasat)
- (d) Ramalan melalui mimpi (ta'bir mimpi)
- (e) Ramalan melalui raksi (ilmu raksi, laksana atau raksi jodoh).
- (f) Ramalan melalui padah atau *katurangga*.

Berhubung dengan hal tersebut, A. Samad Ahmad menerangkan ilmu ramalan yang diamalkan semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka adalah seperti berikut: Maka pada suatu malam Bendahara turun hendak sembahyang Subuh, maka dilihat oleh Bendahara betul pada kepala Tun Mutahir bercahaya menerus ke langit. Maka dihampiri oleh Bendahara, dilihatnya Tun Mutahir. Maka dengan sekejap juga cahaya itu pun padamlah. Maka kata Bendahara akan Tun Mutahir, "Budak ini kelak menjadi orang Besar-besar. Daripada hamba pun lebih kebesarannya, tetapi tiada kekal" (A. Samad Ahmad, 2010: 146). Justifikasinya, Pendekatan Firasat dalam teori Pengkaedahan Melayu dipilih kerana dapat menganalisis fungsi binatang secara tersirat dalam pantang larang Melayu.

### Analisis Teks

Pemikiran masyarakat Melayu turut dibentuk oleh agama Islam. Dua faktor ini iaitu alam dan agama Islam mempengaruhi dan mencorakkan kreativiti para pengarang seperti yang terpancar pada hasil karya mereka. Pengarang Melayu sering menggunakan kata-kata daripada unsur alam sebagai alamat kepada kebesaran Allah. Penciptaan karya kesusasteraan Melayu adalah hasil daripada tafsiran pengarang terhadap alam semesta dengan berlandaskan kepada akidah dan budaya Melayu. Beberapa jenis binatang digunakan sebagai perlambangan untuk menyampaikan mesej dan pemikiran masyarakat tentang kehidupan. Hal ini jelas tergambar dalam pantang larang yang terkandung dalam teks *Pantang Larang Orang Tua-tua Melayu kepada Anak Cucunya* oleh Muhamad Dato Muda. Penggunaan haiwan sebagai lapisan tersurat oleh penyair Melayu turut memperlihatkan pengaruh al-Quran yang menggunakan unsur haiwan sebagai metafora atau misal perbandingan.

Perkaitan manusia dan haiwan amat unik. Hal ini merupakan sunnatullah sejak zaman awal kenabian. Kedua-duanya saling memerlukan antara satu sama lain. Malah, Allah SWT mengurniakan ilham kepada haiwan yang dikehendakinya untuk memberi pengajaran kepada manusia. Peranan haiwan ternakan misalnya lembu, kambing dan unta amat signifikan pada manusia. Namun, bukan semua haiwan bermanfaat pada manusia. Ada antaranya berbahaya dan memudaratkan manusia.

Kitab suci al-Quran diturunkan dengan keindahan ayat-ayat yang mengandung metafora dan misal perbandingan terutama yang dikaitkan dengan unsur-unsur alam. Hal ini dapat dilihat menerusi firman Allah SWT dalam Surah Yaasiin, ayat 71-72 yang bermaksud: “Apakah mereka tidak melihat bahawa sebahagian ciptaan Kami ialah binatang ternak untuk mereka? Maka mereka memilikinya (menguasainya). Dan Kami tundukkan (serahkan) binatang-binatang itu untuk mereka. Sebahagian mereka tunggangi dan sebahagian mereka makan.” Ayat tersebut menjelaskan tentang kegunaan dan kepentingan binatang ciptaan Allah SWT kepada manusia di muka bumi ini. Allah SWT turut berfirman dalam surah Al-An’aam, ayat 38 yang bermaksud: “Binatang yang merayap di bumi dan burung yang terbang dengan dua sayapnya adalah umat (makhluk Allah) seperti kamu (mempunyai perasaan, merasa suka dan duka dan sebagainya). Tidaklah Kami abaikan dalam al-Quran suatu jua pun (segala sesuatu diberikan penjelasan secara umum). Kemudian mereka dihimpunkan (dikembalikan) kepada Tuhannya. Ayat ini menceritakan bahawa manusia diseru supaya hanya menyembah Allah kerana Allah sahaja yang berkuasa dan mampu mencipta segala-galanya. Di samping itu manusia juga disuruh agar sentiasa memerhati dan memikirkan objek-objek alam yang telah dicipta oleh Allah SWT termasuk binatang kerana segalanya mengandungi pengajaran dan contoh teladan. Kepentingan haiwan juga jelas terlihat menerusi penggunaan nama haiwan sebagai judul surah-surah dalam al-Quran. Terdapat tujuh surah yang diberi judul dengan nama haiwan iaitu Surah al-Baqarah (sapi betina), Surah al-An’aam (binatang ternak), Surah a-Nahl (lebah), Surah al-Naml (semut), al-Ankabut (labah-labah), Surah al-Aadiyaat (kuda perang) dan Surah al-Fiil (gajah).

Kehidupan masyarakat Melayu tradisional juga amat terpengaruh oleh pelbagai jenis haiwan yang ada di sekelilingnya. Dalam keadaan tempat tinggal yang berhutan rimba, memburu binatang merupakan cara terawal untuk mendapatkan sumber makanan. Al-Quran menyebut tentang berburu sebagai satu pekerjaan untuk mendapatkan rezeki. Pekerjaan memburu disebut di dalam al-Quran selain berladang dan berniaga. Antara lain, al-Quran memberi panduan tentang daging haiwan yang halal dimakan walaupun diburu oleh binatang lain: “Dihalalkan bagi kamu memakan yang lazat-lazat serta baik dan buruan yang ditangkap oleh binatang-binatang pemburu mengikut cara pelatih-pelatih binatang pemburu. Kamu mengajar serta melatihnya adab peraturan berburu sebagaimana yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Oleh itu, makanlah dari apa yang mereka tangkap dan sebutlah nama Allah atasnya ketika kamu melepaskannya berburu” (Surah al-Maidah, ayat 4).

## **Panduan Menjaga Kesihatan**

### ***Ayam***

Memiliki tubuh badan yang sihat menjadi keperluan bagi setiap manusia. Kesihatan badan perlu dipelihara dan dijaga sepanjang hayat. Menurut HAMKA (2007), syarat utama untuk menjaga kesihatan badan adalah sentiasa memastikan keadaan jasmani badan sentiasa berada dalam keadaan bersih. Kebersihan menuntut segala keperluan untuk membersihkan badan dipenuhi, supaya jasmani badan benar-benar menjadi bersih. Kemudiannya aspek pemakanan juga perlu dijaga dan dilaksanakan dengan teliti. Hal yang demikian ini boleh dilakukan dengan cara makan dan minum secara sederhana banyak iaitu sekadar yang diperlukan, hanya makan makanan yang menyihatkan badan, tidak makan makanan yang boleh merosakkan badan dan hanya makan makanan yang dibenarkan oleh agama iaitu makanan yang halal. Malah aktiviti fizikal badan seperti bersukan juga mesti diamalkan, bagi menjamin keadaan badan sentiasa sihat. Kesemua pendekatan di atas mesti dilaksanakan secara bersepadu dan konsisten. Kesihatan jasmani amat penting kerana ia merupakan pangkal bagi segala kewajipan yang lain.

Dengan kesempurnaan jasmani badan yang sihat, menjadikan seseorang itu mampu melaksanakan segala tanggungjawabnya yang lain. Jika keadaan bahagian jasmani badan berada dalam keadaan tidak sihat, maka tanggungjawab lain amat sukar dan mungkin tidak mampu dilaksanakan dengan sempurna.

Ayam digunakan sebagai unsur perlambangan alam dalam pantang larang yang paling dominan memandangkan binatang tersebut amat rapat dengan masyarakat dan budaya Melayu sebagai haiwan peliharaan yang jinak dan mendatangkan banyak manfaat sama ada sebagai sumber rezeki, untuk pertandingan dan seumpamanya. Kokokan ayam pada zaman dahulu atau di sebahagian tempat ketika ini seperti di kawasan kampung berfungsi sebagai "jam loceng" untuk bangun pagi. Ibadah di malam hari kerana turunnya malaikat dan rahmat yang secara kebetulan dengan bunyi ayam berkokok pada waktu tersebut. Hadis yang menyebutkan tentang perkara ini adalah hadis sahih. Diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari & Muslim bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda yang maksudnya: "Jika kalian mendengar suara ayam berkokok, maka mohonlah kepada Allah kurniaanNya kerana ketika itu ayam itu sedang melihat malaikat dan jika kalian mendengar suara keldai mohonlah perlindungan kepada Allah kerana ketika itu keldai itu sedang melihat syaitan" [Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim]. Waktu yang dimaksudkan di sini ialah ketika di waktu pertengahan malam atau waktu dua pertiga malam.

Mengikut pandangan masyarakat Melayu, ayam juga dikenali sebagai binatang yang suka memperbesar-besarkan sesuatu perkara. Ayam sabung yang sering dipelihara kadang-kadang diperlihatkan sudut sombongnya sementara ayam yang tidak bertaji baru saja ditanggalkan kesombongan itu (Muhammad Haji Salleh, 2008: 144). Ayam juga sudah mendarah mendaging kepada masyarakat Melayu bukan sahaja dalam bentuk folor, sejarah bahkan dalam bentuk budaya pemakanan dan kehidupan berjiran (Aww Asbol Haji Mail, 2015: 22 - 23). Di dalam pantang larang Melayu, ayam menjadi salah satu haiwan pilihan yang digunakan. Hal ini dapat dilihat menerusi pantang larang **makan leher ayam, jadi pengantin melentuk** (Muhammad Dato Muda, 1948: 8). Sebilangan kecil masyarakat Melayu masih mempercayai amalan karut atau khurafat seperti ini. Secara umumnya, khurafat ialah segala bentuk kepercayaan atau amalan-amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Khurafat juga bermaksud kepercayaan karut yang direka-reka dan diadakan untuk membentuk suatu keyakinan tentang akan berlakunya baik atau buruk terhadap sesuatu kerja berpandukan kepada perbuatan dan kejadian-kejadian alam yang berlaku dengan mentafsirkan kejadian itu akan membawa bala bencana atau membawa tuah keberuntungan (Haron Din, 2008). Pantang larang ini melarang pengantin daripada memakan leher ayam kerana dikhuatiri kepala pengantin akan terteleng atau terlentuk ketika bersanding di atas pelamin nanti kesan daripada memakan leher ayam. Leher ayam bagi orang dahulu merupakan salah satu bahagian yang digemari kerana ia penuh dengan rasa. Justeru apabila daging ayam dihidangkan sebagai makanan, maka leher ayam pasti akan menjadi rebutan semua orang.

Sebenarnya orang dahulu berkata sedemikian kerana mereka tidak mahu orang bergaduh kerana leher ayam hanya satu bahagian kecil bagi seekor ayam. Mereka tidak mahu anak-anak bergaduh hingga kepala teleng kerana disebabkan leher ayam tersebut. Orang-orang tua dahulu selalu mengingatkan anak cucunya supaya tidak melanggar pantang larang dan melanggar pantang larang dianggap tidak mendengar nasihat orang tua-tua (Ani Haji Omar, 2014: 77). Logik bagi pantang larang ini ialah mahu mengelak kita daripada berebut semasa makan kerana berkemungkinan akan berlaku pertengkaran dan pergaduhan sekiranya berebut seterusnya akan bermasam muka sesama ahli keluarga. Ketika makan, seelok-eloknya ambillah makanan yang berhampiran dengan kita dan jangan menjangkau makanan yang sukar dicapai (A. Aziz

Deraman dan Wan Ramli Wan Muhammad, 1995: 48). Hal ini juga selaras dengan hadis riwayat Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda yang maksudnya: “Makanlah dari bahagian yang dekat dengan tempat dudukmu,” (Sayyid Muhammad Amin ‘Idrus, 2013: 90). Oleh itu, fungsi binatang dalam pantang larang ini mendidik masyarakat supaya jangan berebut semasa makan kerana boleh membawa kemudaratan kepada kesihatan seperti tercekik tulang dan sebagainya. Hal ini selaras dengan pendapat Muhammad Hilmi Jalil dan Fakhru Adabi Abdul Kadir (2013: 7) yang menyatakan bahawa kesihatan badan manusia yang baik memungkinkan seseorang itu mampu untuk membangunkan dirinya sendiri, sebaliknya, badan yang tidak sihat akan menyukarkan lagi usaha pembangunan insan terhadap diri seseorang.

Pantang larang seterusnya yang menggunakan ayam sebagai unsur perlambangan alam ialah **makan tembolok ayam, menanah telinga anak** (Muhamad Dato Muda, 1948: 8). Tembolok hanya terdapat terdapat pada bangsa burung yang makan biji-bijian dan tidak terdapat pada bangsa burung pemakan serangga (Neishem et. al., 1979). Tembolok ialah kantung tempat menyimpan makanan pada leher burung, ayam dan lain-lain. Tembolok ini berada pada bahagian dasar atau hujung leher. Ia juga mengeluarkan lendir bagi mengekalkan kelembapan makanan di dalamnya, agar makanan yang disimpan tidak menjadi padat. Makanan yang disimpan itu juga bercampur dengan air yang diminum oleh burung atau ayam bagi memudahkannya bergerak melalui ke saluran pencernaan yang seterusnya. Ayam mencakar tanah dan apabila ayam menjumpai makanan yang disukainya, ayam akan mengambil dan memasukkan ke dalam paruhnya untuk ditelan. Makanan ini kemudiannya akan melalui kerongkong dan disimpan di dalam tembolok ayam dalam keadaan lembap atau basah. Tembolok ayam mempunyai fungsi yang tertentu. Fungsi utama tembolok adalah untuk menerima dan menyimpan makanan sementara sebelum masuk ke proventikulus terutama pada saat memakan makanan dalam jumlah yang banyak. Pada bahagian dinding tembolok, terdapat banyak kelenjar yang menghasilkan mukus, berfungsi sebagai cairan pelumasan yang bersifat melunakkan makanan (Neishem et. al., 1979). Orang-orang tua dahulu melarang orang memakan tembolok ayam kerana dipercayai memberi kesan buruk iaitu kononnya telinga anak akan menanah. Hal ini kerana masyarakat Melayu zaman dahulu masih kuat dipengaruhi oleh animisme. Namun sebaliknya larangan tersebut adalah untuk menjaga kesihatan diri. Hal ini kerana punca kepada segala penyakit di dunia ini adalah dari pencemaran yang dialami terutamanya pada makanan harian. Mencegah adalah lebih baik daripada mengubati.

Dalam al-Quran, surah al-Baqarah ayat 172, Allah berfirman yang maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, makanlah di antara rezeki yang baik-baik yang kami berikan kepadamu dan bersyukurlah kepada Allah jika benar-benar kepadaNya kamu menyembah.” Jelas daripada ayat ini kita perlu memakan benda yang baik-baik dan seimbang supaya kekal sihat. Norman M Norawi (2008) menyatakan bahawa makanan yang seimbang dan kaya dengan serat, minuman yang sihat, bersenam dan mengelak daripada tabiat buruk seperti memakan makanan yang mengandungi pengawet, pewarna dan tercemar adalah antara cara kita mengamalkan gaya hidup sihat. Stella Van Petten Henderson (1947) menjelaskan secara tabiinya, bagi memastikan kesihatan tubuh badan manusia berada dalam keadaan baik, seseorang itu perlu memiliki tiga keperluan material iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal yang merupakan keperluan asas kepada kesihatan fizikal badan manusia. Oleh itu fungsi binatang dalam pantang larang ini ialah untuk mengelakkan dari memakan makanan yang tidak bersih dan tidak elok untuk kesihatan.

Di samping itu, pantang larang **makan mepedal ayam, liat bersunat** (Muhamad Dato Muda, 1948: 8) turut berkaitan dengan kesihatan. Islam menuntut supaya umatnya bersunat kerana bersunat mempunyai beberapa kelebihan yang tidak akan diperolehi oleh mereka yang tidak bersunat. Kebaikan dan kelebihan bersunat dapat dilihat dari dua aspek iaitu dari aspek kesihatan dan aspek keagamaan. Antara kelebihan dari aspek kesihatan ialah menjauhkan tabiat kencing malam, mendatangkan kebersihan dan mengawasi kesihatan. Dari aspek keagamaan pula, antara kelebihannya ialah untuk membezakan orang Islam dengan penganut agama lain, sebagai ikrar patuh pada arahanNya dan tunduk di bawah hukum dan kekuasaanNya, sebagai induk kepada fitrah, syiar Islam dan sebagai lambang syariah seterusnya menyempurnakan tuntutan syarak (A. Azizi Deraman dan Wan Ramli Wan Mohamad, 1995: 31). Di dalam agama Islam, bersunat adalah wajib kerana Islam adalah agama yang menitikberatkan kesucian lahir dan batin (Mohtar H. Md. Dom (1997: 35).

Orang tua-tua tidak menggalakkan mepedal ayam dimakan terutamanya oleh kanak-kanak lelaki yang belum bersunat kerana dikhuatiri kononnya kelak sukar untuk bersunat. Kepercayaan terhadap kesan buruk akibat melanggar pantang larang ini begitu menebal. Hal ini kerana masyarakat Melayu zaman dahulu khususnya sebelum kurun ke-15 Masihi menganut kepercayaan Hindu selain animisme dan penyebaran agama Islam masih belum tersebar luas. Justeru, masyarakat Melayu begitu mempercayai pantang larang dan kesan buruk yang akan diterima jika melanggar pantang larang tersebut walaupun kadang kala bercanggah dengan syariat Islam. Mepedal ayam atau pedal ayam enak dimakan walaupun agak liat. Daging mepedal yang liat menyebabkan orang terpaksa mengunyah secara berulang kali untuk menghancurkan dagingnya. Sebenarnya organ dalaman haiwan ini seperti hati, limpa dan mepedal secara saintifiknya memang tidak elok dimakan kerana bahagian ini berfungsi dalam proses perkumuhan haiwan berkenaan (Rohaliza Mohd. Ali, 2011: 35). Justeru, mepedal ayam ini tidak elok untuk dimakan kerana berkemungkinan akan mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan. Oleh itu elakkan dari memakan mepedal ayam kerana terdapat banyak lagi bahagian ayam yang lebih enak untuk dimakan seperti bahagian paha, dada dan sebagainya.

## **Panduan Membentuk Akhlak yang Baik**

### ***Burung***

Dalam masyarakat Melayu tradisional, pembinaan peribadi dan akhlak yang mulia sangat penting. Secara umumnya, akhlak yang baik merangkumi pertuturan yang baik, perlakuan yang sopan dan juga sifat rendah hati. Islam turut menitikberatkan akhlak yang baik. Allah SWT telah mengutus Nabi Muhammad SAW bagi menyempurnakan akhlak manusia. Nabi Muhammad SAW telah bersabda yang bermaksud: “Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak.” Perkara ini turut dijelaskan oleh Mustafa Haji Daud (1995: 2) yang menyatakan bahawa akhlak sebagai asas budi bahasa Islam boleh didefinisikan sebagai tingkah laku yang mulia dan terpuji yang digubal oleh Allah SWT dan sekali gus merupakan wahyu untuk dihayati, dilaksana dan diamalkan oleh manusia sehingga menjadi adat kebiasaan. Allah SWT telah berfirman dalam surah al-Furqan, ayat 63 tentang pentingnya mempunyai akhlak yang baik ini yang bermaksud: “Dan hamba-hamba (Allah) Ar-rahman (yang diredhaiNya) ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan-santun.” Menurut Hashim Musa pula (2008: 33 - 39), dalam masyarakat Melayu keperibadian dan pembentukan sahsiah diri atau jati diri amat penting untuk membina peribadi Melayu yang baik, beragama, berakhlak dan berbudi.

Unsur binatang seterusnya dalam pantang larang Melayu ialah burung. Burung sering muncul di dalam karya kesusasteraan Melayu sama ada kesusasteraan tradisional mahu pun moden termasuklah dalam buku *Pantang Larang Orang Tua-tua Melayu kepada Anak Cucunya* oleh Muhamad Dato Muda. Melihat burung yang boleh terbang, manusia seharusnya menginsafi kekurangan diri sendiri. Burung yang dapat terbang bebas di angkasa disebut di dalam al-Quran sebagai objek alam fizikal yang menjadi petunjuk kepada kekuasaan Allah. Allah menyeru manusia supaya memerhati dan mengambil iktibar dari burung yang terbang. Hal ini juga berupa peringatan bahawa sesuatu perkara itu tidak dijadikan sia-sia tetapi untuk memberi pengajaran. Justeru, manusia sepatutnya memerhatikan kewujudan haiwan itu. Allah SWT menyebut tentang burung secara khas di dalam al-Quran menerusi Surah al-Mulk, ayat 19 yang bermaksud: “Apakah mereka tidak memerhatikan burung-burung yang mengembangkan dan mengatupkan sayapnya di atas mereka? Tidak ada yang menahannya selain dari Yang Maha Pemurah. Sesungguhnya Dia Maha Melihat segala sesuatu.”

Contoh penggunaan burung yang berkaitan dengan pembentukan akhlak dipaparkan menerusi pantang larang **makan burung murai, leter mulut atau peleter** (Muhamad Dato Muda, 1948: 9). Pantang larang ini melarang memakan burung murai kerana dipercayai akan menjadi seorang peleter atau suka berleter seperti burung murai. Sebenarnya sikap atau perangai seseorang yang suka berleter tiada kaitan dengan burung murai sebaliknya berpunca daripada cara didikan, persekitaran dan sikap semula jadi seseorang itu. Kepercayaan yang sedemikian merupakan kepercayaan yang karut dan tiada kaitannya dengan burung murai. Burung murai ialah sejenis burung yang terkenal dengan suaranya yang suka berkicau tanpa henti. Murai juga menggambarkan manusia yang terlalu banyak berkata-kata dan bising melalui peribahasa “mulut murai” dan “murai tercabut ekor” kerana orang Melayu amat menghargai kesederhanaan dalam berkata-kata (Muhammad Haji Salleh, 2008: 144). Apabila seseorang yang suka bercakap banyak, sudah pasti perbuatan tersebut tidak begitu disenangi oleh orang di sekelilingnya kerana orang lain tidak sempat untuk mencelah percakapan tersebut. Hal ini secara tidak langsung mencerminkan akhlak seseorang itu yang tidak elok.

Pengamatan seperti inilah yang menjadikan intelektual Melayu dahulu menjadikan unsur-unsur alam tersebut sebagai tanda untuk mendidik masyarakat Melayu menjadi orang yang berakhlak baik (Noraini Abdul Shukor dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, 2016: 40). Rasulullah SAW pernah bersabda yang maksudnya: “Barang siapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, hendaklah dia berbicara dengan baik atau diam,” (Hadis riwayat Bukhari). Fungsi binatang dalam pantang larang ini iaitu burung murai ialah bagi memberi peringatan kepada masyarakat supaya berpada-pada dalam berbicara atau bercakap agar akhlak sentiasa terpelihara dan tidak mencontohi sikap negatif burung murai yang bermulut becok.

Pantang larang **bercukur tak sudah (capuk-capuk), marah helang (habis ayam disambar)** (Muhamad Dato Muda, 1948: 20) turut menggunakan unsur binatang iaitu helang. Helang merupakan haiwan pemangsa atau maging (karnivor). Makanan utamanya ialah haiwan mamalia kecil seperti tikus, tupai dan ayam. Terdapat sesetengah helang yang menangkap ikan sebagai makanan utama mereka. Paruh helang tidak bergigi tetapi berbentuk bengkok yang kuat untuk mengoyak daging mangsa. Burung ini juga mempunyai sepasang kaki yang kuat dan kuku yang tajam bagi mencengkam mangsa serta daya penglihatan yang tajam untuk memburu mangsa dari jarak jauh. Pantang larang **bercukur tak sudah (capuk-capuk), marah helang (habis ayam disambar)** melarang masyarakat supaya mencukur rambut sehingga selesai, jika tidak selesai akan menimbulkan kemarahan pada burung helang yang mengakibatkan habis ayam yang dibela disambar helang. Masyarakat mempercayai

pantang larang ini dan kesan buruk yang akan diterima jika tidak dipatuhi. Namun demikian, kepercayaan ini adalah karut dan berbentuk khurafat kerana mempercayai sesuatu perkara yang lain selain Allah. Perkara ini adalah bertepatan dengan firman Allah dalam surah Yusuf, ayat 106 yang bermaksud: “ Meskipun kebanyakan mereka beriman kepada Allah, dalam pada itu mereka tidak sunyi dari berbuat syirik.” Ayat ini menjelaskan bahawa manusia meskipun mengaku beriman kepada Allah tetapi masih lagi melakukan perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam iaitu mempercayai perkara lain mempunyai kuasa selain kuasa Allah.

Sebenarnya pantang larang ini mengingatkan masyarakat supaya dalam melakukan sesuatu pekerjaan, haruslah dilakukan sehingga selesai dan jangan hanya separuh jalan sehingga menimbulkan kemarahan orang lain. Hal ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: “Tidak mencukur sebahagian rambut dan meninggalkan sebahagian yang lain kerana hukumnya adalah makruh” (Hadis riwayat Abu Daud). Hadis ini menjelaskan tentang larangan meninggalkan sebahagian rambut semasa bercukur kerana perbuatan tersebut melambangkan akhlak yang tidak baik dan tidak menepati norma hidup masyarakat Melayu. Sebaliknya pantang larang ini memberi nasihat supaya melakukan sesuatu pekerjaan sehingga selesai tanpa perlu bertangguh kerana itulah asas pembentukan akhlak terpuji. Selain itu, perbuatan menangguh kerja seperti bercukur akan menimbulkan kejelekan rupa dan kemarahan pada individu berkenaan. Hal ini sama keadaannya dengan helang yang apabila sedang marah, akan menyambar habis kesemua ayam peliharaan di reban.

Pantang larang **sebarang burung berbunyi malam jangan ditanya atau ditegur, nanti datang hantu** (Muhamad Dato Muda, 1948: 26) juga menggunakan unsur binatang iaitu burung. Burung merupakan binatang yang amat dekat dengan masyarakat Melayu sama ada sebagai binatang peliharaan mahu pun binatang liar yang menjadi buruan. Apabila mendengar bunyi burung pada waktu malam, dinasihatkan tidak menegurnya kerana dipercayai akan muncul hantu. Menurut Ismail Hamid (1995), kepercayaan terhadap pantang larang selalunya dikaitkan dengan kuasa-kuasa atau kekuatan ghaib seperti semangat penunggu, hantu atau jin, tempat-tempat keramat dan sebagainya. Jika diteliti makna tersirat di sebalik pantang larang ini, waktu malam adalah waktu untuk orang berehat dan tidur setelah penat bekerja pada siang hari. Tambahan pula, masyarakat Melayu tradisional rata-ratanya bekerja keras membanting tulang empat kerat sama ada di ladang, di sawah mahupun di hutan demi mencari rezeki untuk meneruskan kelangsungan hidup bersama keluarga. Oleh itu, jika ada orang menegur bunyi burung pada waktu malam dengan suara yang kuat seperti melaung dan seumpamanya, maka sudah pasti akan terganggu tidur jiran berdekatan. Malah mungkin akan menimbulkan rasa tidak puas hati dan kemarahan masyarakat sekitar kerana tidur mereka sekeluarga termasuk anak kecil terganggu. Burung menganggap waktu siang lebih panjang daripada malam kerana pada fikiran mereka, cahaya lampu pada malam hari adalah siang hari. Atas anggapan itu, burung sering berbunyi pada waktu malam kerana menyangkakan waktu malam adalah siang. Hal ini pastinya akan mengganggu ketenteraman manusia yang sedang tidur. Justeru, pantang larang ini mendidik masyarakat agar menjaga adab dan akhlak hidup berjiran supaya sentiasa harmoni.

Hal ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Demi Allah tidak beriman. Demi Allah tidak beriman. Demi Allah tidak beriman. Baginda ditanya: Siapa wahai Rasulullah SAW? Baginda bersabda: (Yaitu seseorang yang tetangganya tidak merasa aman dari gangguannya)” (Hadis riwayat Bukhori). Hadis ini menjelaskan bahawa jiran tidak boleh menyinggung perasaan tetangga dengan perkataan atau perbuatan kerana hal tersebut hukumnya adalah haram. Masyarakat Melayu lama ternyata amat menitikberatkan soal agama

dan adat termasuklah berakhlak baik terhadap jiran. Sikap baik seseorang individu memainkan peranan penting dalam proses membentuk jiwa yang bersih kerana dengan wujudnya jiwa yang bersih, maka akhlak seseorang individu tergambar melalui sikap dan tingkah lakunya dalam masyarakat (Mohd. Firdaus Che Yacob et. al., 2017). Sifat bertimbang rasa dan saling memahami memang tidak dinafikan sebagai sifat yang baik dan Islam memang menuntut sifat-sifat terpuji ini untuk disemai dalam diri setiap individu (Mohd. Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd. Rahim, 2016: 55). Ringkasnya pantang larang ini menasihati masyarakat supaya tidak meneladani tabiat burung yang gemar berbunyi atau berkicau pada waktu malam sehingga mengganggu ketenteraman dan ketenangan orang sekeliling.

## Panduan Menjaga Keselamatan

### *Harimau*

Keselamatan secara umumnya membawa maksud perbuatan atau peristiwa tidak dirancang yang menyebabkan kecederaan atau kematian kepada individu atau kerosakan kepada harta benda yang disebabkan oleh faktor manusia, faktor keadaan persekitaran atau pun kombinasi mana-mana faktor. Keadaan ini akan mengganggu proses kerja yang mungkin menyebabkan kecederaan, kesakitan, kematian, kerosakan harta benda ataupun peristiwa lain yang tidak diingini. Allah SWT telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian dan telah memuliakan anak-anak Adam a.s. Dialah yang meniupkan ruh ke dalam jasad dan mengajar manusia mengenal alam, lalu bersujudlah malaikat kepadanya. Maka Allah melantik manusia sebagai khalifah, dan tunduklah segala apa yang ada di langit dan di bumi kepadanya. Berbekalkan keimanan dan ketakwaan kepada Maha Pencipta, maka manusia mengabdikan diri kepada Allah, memelihara dan berjasa kepada bumi.

Nikmat nyawa yang dikurniakan oleh Allah adalah suci dan bukan sesuatu yang sia-sia, malah wajib ke atas umat manusia untuk memberi hak dan pemeliharaan yang sempurna kepada keselamatan diri dan nyawa kerana pemeliharaan nyawa adalah salah satu daripada lima kepentingan asas lain yang telah disyariatkan dalam Islam iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta. Ajaran Islam sangat menganjurkan umatnya menjaga keselamatan diri dari berbagai bentuk ancaman yang membahayakan jiwa manusia. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 195 yang bermaksud: *“Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, karena sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik”*.

Berikutnya, binatang yang turut ditemui sebagai unsur perlambangan alam dalam pantang larang Melayu ialah harimau. Harimau ialah salah satu daripada keluarga kucing. Gigi harimau sangat tajam dan kuat khususnya gigi taring yang berfungsi untuk mengoyak dan menggigit mangsanya. Harimau mempunyai empat kaki dan setiap kaki harimau mempunyai kuku yang tajam. Apabila kuku tidak digunakan, harimau akan menarik kukunya ke dalam supaya apabila berjalan, kukunya itu tidak kena pada tanah dan tidak tumpul. Kulit harimau yang berbelang dapat melindungi dirinya kerana tidak dapat dilihat dengan jelas terutama di kawasan hutan dan semak samun.

Di samping itu, harimau mempunyai deria bau, penglihatan dan pendengaran yang sangat peka. Haiwan ini juga sangat aktif pada waktu malam manakala pada waktu siang, harimau hanya berehat. Selain itu, harimau juga merupakan seekor haiwan yang pantas berlari. Di Malaysia terdapat tiga jenis kumpulan harimau iaitu harimau belang, harimau bintang dan harimau dahan



(Wan Zaharah Megat Hashim,1993: 19). Walau apapun, harimau tetap menjadi salah sejenis megafauna berkarisma yang paling terkenal di dunia. Harimau banyak memainkan peranan penting dalam mitos dan budaya rakyat, di samping masih mendapat tempat dalam bidang perfileman dan kesusasteraan moden. Lukisan harimau sering dijumpai pada bendera dan jata negara, sebagai maskot sukan, dan haiwan kebangsaan sebilangan negara Asia termasuk Malaysia.

Contoh harimau sebagai unsur perlambangan alam dalam pantang larang Melayu dapat dilihat menerusi pantang larang **melempar tulang bambung, mengganas harimau** (Muhamad Dato Muda, 1948: 18). Harimau dalam masyarakat Melayu dianggap sebagai haiwan yang terkenal dengan kebuasan dan keberanian. Harimau dapat dibahagikan kepada beberapa jenis seperti harimau buluh, harimau akar, harimau kumbang dan lain-lain. Masyarakat Melayu dalam persepsi mengenai harimau dilihat sebagai haiwan yang melambangkan kuasa, kejahatan, berbahaya, kepahlawanan dan keberanian (Tengku Azeezee Tengku Shamsudden, 2008: 74). Perkara ini dapat dilihat bagaimana pemerhatian dan penelitian masyarakat Melayu yang melahirkan pantang larang. Pantang larang ini melarang masyarakat supaya jangan melempar tulang ke bambung, kelak harimau akan mengganas. Pantang larang ini dipercayai oleh masyarakat kerana masyarakat masih terpengaruh dengan animisme dan kluatir akan terjadi peristiwa buruk jika pantang larang ini dilanggar. Sebaliknya maksud tersirat ialah apabila melempar tulang ke bambung rumah akibatnya akan mengancam keselamatan diri kerana berkemungkinan tulang tersebut akan menimpa kepala si pembaling tersebut dan mengakibatkan kecederaan. Justeru, pantang larang ini berfungsi sebagai nasihat untuk keselamatan diri agar berhati-hati dalam melakukan sesuatu pekerjaan di samping sentiasa memikirkan kesan buruk sesuatu perbuatan itu sepertimana kesan buruk yang akan diterima sekiranya seekor harimau mengganas.

Pantang larang seterusnya berkaitan nasihat untuk keselamatan ialah **tidur membawa remah, mimpi dikejar rimau** (Muhamad Dato Muda, 1948: 13). Maksud pantang larang ini secara harfiah ialah seseorang yang tidur bersama sisa makanan di mulut akan menyebabkan dirinya mengalami mimpi yang menggerunkan iaitu bermimpi dikejar harimau. Mimpi tersebut pasti menyebabkan tidur dan emosi seseorang itu terganggu sepanjang malam malah mungkin berlarutan hingga keesokan harinya. Kepercayaan yang menebal terhadap pantang larang boleh menyebabkan kepercayaan karut animisme yang merupakan suatu ciri utama dalam kepercayaan masyarakat Melayu terus diikuti dan diamalkan. Kepercayaan karut ini boleh membawa kesan yang negatif terhadap masyarakat yang mengamalkannya. Kebiasaannya mimpi yang dialami oleh seseorang semasa tidur, tiada kaitan dengan remah. Jika diteliti maksud tersiratnya, sebelum tidur seseorang itu haruslah membersihkan diri termasuklah mulutnya daripada sebarang sisa makanan. Kebersihan diri harus dijaga sebelum tidur kerana dibimbangi jika ada serangga seperti semut dan sebagainya memakan atau menghurung sisa makanan tersebut seterusnya memasuki rongga hidung, mata atau pun telinga. Situasi ini secara tidak langsung akan mengancam keselamatan diri.

Rasulullah SAW pernah menyebut tentang adab ketika hendak tidur sepertimana sabda baginda yang bermaksud: “Jika kamu akan berbaring di tempat tidurmu, maka berwudhu’lah sebagaimana kamu akan berwudhu’ untuk solat dan berbaringlah ke sebelah kanan”. (Hadis Riwayat Bukhori dan Muslim). Di samping itu, adab sebelum tidur juga hendaklah bersiwak atau menggosok gigi dengan kayu sugi sebelum tidur (Sayyid Muhammad Amin Idrus, 2015: 28). Jelaslah pantang larang ini bertujuan supaya masyarakat membersihkan diri sebelum tidur kerana masyarakat Melayu malah agama Islam sendiri amat menitikberatkan kebersihan.

Kebersihan dalam Islam bukan sahaja digalakkan, tetapi dijadikan sebahagian daripada iman. Hal ini menunjukkan bahawa amalan kebersihan merupakan tuntutan agama sepertimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud : “Suci (kebersihan) itu sebahagian daripada iman”. (Hadis Riwayat Muslim). Hadis di atas bukan sahaja menggambarkan bahawa amalan kebersihan merupakan simbol dan syiar kepada agama Islam itu sendiri malahan merupakan sebahagian daripada ajaran dan tuntutan agama Islam. Pantang larang ini berperanan sebagai panduan supaya membersihkan diri sebelum tidur jika tidak mahu berlaku sebarang perkara buruk sebagaimana kesan buruk yang akan diterima jika dikejar harimau yang ganas kerana berkemungkinan akan kehilangan nyawa, kecederaan yang parah dan pelbagai kemudaratan yang lain.

### *Ular*

Binatang sebagai unsur alam selanjutnya dalam pantang larang ialah ular. Kebanyakan spesies ular tidak berbisa, yang berbisa menggunakan bisanya terutamanya untuk membunuh dan melumpuhkan mangsa berbanding mempertahankan diri. Terdapat ular yang memiliki bisa yang cukup kuat untuk menyebabkan kesakitan yang teruk atau kematian terhadap manusia. Ular yang tidak berbisa pula menelan mangsa hidup-hidup atau menjerut mangsa hingga mati. Haiwan reptilia ini turut memakan biri-biri, ayam, itik, kambing dan lembu yang ditanam orang kampung pada waktu malam kerana ular aktif pada waktu malam. Ular akan cuba menggeledah masuk dalam kawasan ternakan untuk mencari mangsa dengan rakus yang akhirnya membawa kerugian kepada penternak (Muhammad Zaid Daud et.al., (2018: 5). Pantang larang **mengembangkan payung di atas rumah, naik ular** (Muhamad Dato Muda, 1948: 17) melarang supaya tidak membuka payung di dalam rumah kerana dibimbangi ular akan naik ke atas rumah. Ular merupakan antara binatang berbisa yang amat ditakuti oleh manusia kerana gigitan dan belitannya boleh membawa maut. Dalam Islam, terdapat beberapa spesies haiwan dianjurkan oleh Nabi SAW agar dihindari dan dibunuh. Antaranya tikus, kala jengking, gagak, helang, anjing, ular dan cicak. Golongan haiwan ini digelar oleh Nabi Muhammad SAW dengan satu gelaran iaitu “haiwan fasiq” atau “haiwan perosak” iaitu haiwan yang melampaui batas terhadap manusia (Mohd. Farhan Md. Ariffin, 2015). Ular tergolong dalam haiwan fasiq dan dibolehkan membunuh kesemua jenis ular berbahaya.

Kebanyakan adat dan pantang larang masyarakat Melayu mempunyai kaitan yang begitu sinonim dengan agama Hindu dan kepercayaan animisme. Kepercayaan yang menebal terhadap pantang larang menyebabkan masyarakat Melayu sedaya upaya cuba mematuhi untuk mengelakkan kesan buruk pada diri akibat pelanggaran tersebut. Namun maksud tersirat di sebalik larangan ini ialah untuk mengelakkan perbuatan berbahaya dan tidak mengancam keselamatan penghuni rumah. Sebenarnya payung itu wajar diletakkan di tempat yang sesuai iaitu di luar rumah bukannya di dalam rumah. Apabila payung dibuka atau dikembangkan di dalam rumah, takut akan terkena pada sesiapa yang ada di dalam rumah dan boleh mencederakannya. Tambahan pula jika terdapat kanak-kanak di dalam rumah dan turut bermain dengan payung itu. Fungsi pantang larang ini ialah sebagai panduan supaya mengutamakan keselamatan dan jangan menjadi pengancam kepada keselamatan orang lain. Jangan mengikut tabiat ular yang amat ditakuti dan digeruni kerana seringkali menjadi ancaman kepada keselamatan makhluk lain termasuk manusia.

### *Kucing*

Unsur perlambangan alam berikutnya dalam pantang larang ialah kucing. Hal ini dapat dilihat menerusi pantang larang **memandikan kucing, turun hujan ribut** (Muhamad Dato Muda, 1948: 21). Pantang larang ini menjelaskan apabila seseorang memandikan kucing, kelak akan

turun hujan dan ribut. Hujan dan ribut biasanya akan mengakibatkan kesan buruk kepada masyarakat seperti berlakunya pokok tumbang, kerosakan rumah, banjir dan seumpamanya. Justeru, seboleh-bolehnya masyarakat perlulah sedaya upaya mengelakkan kejadian hujan ribut ini yang pastinya akan menimbulkan kesan buruk. Sebenarnya turunnya hujan ribut adalah atas kehendak Allah Tuhan Pencipta sekalian alam dan bukannya disebabkan kerana memandikan kucing. Hal ini bertepatan dengan firman Allah dalam surah an-Nuur, ayat 43 yang bermaksud: "Tidakkah kamu lihat bahawa Allah mengarak awan, kemudian mengumpulkan antara (bahagian-bahagian)nya, kemudian menjadikannya bertindih-tindih, maka kelihatanlah olehmu hujan keluar dari celah-celahnya dan Allah (juga) menurunkan (butiran-butiran) ais dari langit, (iaitu) dari (gumpalan-gumpalan awan seperti) gunung-gunung, maka ditimpakan-Nya (butiran-butiran) ais itu kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan dipalingkan-Nya dari siapa yang dikehendaki-Nya. Kilauan kilat awan itu hampir-hampir menghilangkan penglihatan. Allah mempergantikan malam dan siang. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat pelajaran yang besar bagi orang-orang yang mempunyai penglihatan". Ayat ini menjelaskan bahawa Allah yang berkuasa atas segala-galanya. Jika diperhalusi maksud tersirat di sebalik pantang larang ini sebenarnya ialah dibimbangi kucing akan bertindak agresif semasa dimandikan oleh tuannya. Akibatnya, mungkin kucing akan mencakar muka atau tangan tuannya hingga mendatangkan kecederaan. Hal ini kerana sifat alami kucing ialah takutkan air kerana kebanyakan kucing tidak pandai berenang.

Tambahan pula, kucing merupakan haiwan yang membersihkan dirinya sendiri. Jika kita melihat kucing menjilat bahagian tubuhnya, bermakna kita sedang melihat mereka mandi. Jadi, memandikan kucing tidak menjadi satu keperluan kerana lazimnya kucing memandikan diri sendiri dengan cara menjilat tubuhnya. Sebab itulah kucing agak kelihatan takut dengan air kerana kekurangan pendedahan sewaktu kecil. Selain itu, kucing juga tidak suka kejutan kerana kucing adalah haiwan yang pantas bertindak melarikan diri ketika ada ancaman. Oleh itu, bulu yang basah kerana air akan membuatnya bergerak lebih lambat sehingga kucing berfikir bahawa air yang terkena tubuhnya akan menjadi ancaman.

Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: "Kucing termasuk perhiasan rumah tangga, ia tidak dikotori sesuatu"(Hadis Riwayat Muslim). Allah selalu memerintahkan hambaNya untuk berlaku baik terhadap sesama makhluk termasuklah kucing. Bahkan Allah SWT telah berfirman dalam surah Al Mu'minun, ayat 21 yang mafhumnya: "*Dan sesungguhnya pada haiwan-haiwan ternak benar-benar terdapat pelajaran yang penting bagi kamu. Kami memberi minum kamu dari air susu yang ada dalam perutnya dan juga haiwan-haiwan itu terdapat faedah yang banyak untuk kamu*". Ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah menciptakan haiwan untuk berdampingan antara satu sama lain dan bukan untuk disakiti. Begitu pula halnya dengan kucing, kucing boleh dipelihara sebagai penyenang dalam rumah atau sebagai hiburan. Namun apabila memelihara kucing, manusia haruslah menyayangnya dan berbuat baik kepadanya dengan memberinya makan dan minum serta tempat yang sepatutnya.

Manusia juga dilarang melakukan sesuatu yang boleh mengganggu atau menyakiti kucing. Menurut Zahari Mahad Musa (2010: 18), memang tidak dinafikan bahawa jika manusia menzalimi binatang, Allah SWT akan membalasnya kerana jelas dan nyata perundangan Islam menetapkan pendirian yang jelas dalam memelihara haiwan dan berinteraksi dengannya. Fungsi pantang larang ini ialah sebagai peringatan supaya jangan melakukan sesuatu perkara di luar kelaziman kerana dikhuatiri akan mendatangkan kemudaratan dan mengancam

keselamatan diri sebagaimana kucing yang akan bertindak ganas di luar jangkauan apabila dimandikan. Hal ini sama seperti hujan ribut yang pastinya akan memberi kesan buruk.

### Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan ini, dapat dirumuskan bahawa binatang berperanan penting dalam menyampaikan maksud tersirat dalam pantang larang Melayu. Binatang sering digunakan sebagai panduan menjaga kesihatan, panduan membentuk akhlak yang baik dan panduan menjaga keselamatan. Terbukti di sini bahawa masyarakat Melayu menterjemahkan binatang dengan pelbagai fungsi ke arah pembentukan dan pembinaan masyarakat yang baik. Unsur dalaman dan unsur luaran harus saling berpadu bagi membina masyarakat yang baik agar hasilnya dapat dilihat melalui pemikiran yang waras, perlakuan dan pertuturan. Atas faktor inilah yang akan menyebabkan tercapainya matlamat kebajikan, ketaqwaan dan kesusilaan. Lantaran itu, maka fungsi binatang dalam pantang larang Melayu ini perlu ditafsirkan maknanya secara tersirat agar selari dengan budaya masyarakat Melayu dan ajaran Islam.

### Rujukan

- A. Aziz Deraman & Wan Ramli Wan Muhammad. (1995). *Adat dan Pantang Larang Orang Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdullah bin Muhammad bin Abdurahman bin Ishaq Al-Sheikh. 2004. *Tafsir Ibnu Katsir*. Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Ani Haji Omar. (2014). "Pantang Larang dalam Kalangan Orang Melayu: Analisis dari Perspektif Teori SPB4K." *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Jilid 7. Bil.1.
- A. Samad Ahmad. (2010). *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atikah Abdul Azam et. al., (2014). "Ilmu Melayu dalam Kitab Pelbagai Catatan: Aspek Firasat" Dlm Mohd. Kipli Abdul Rahman et. al., (Eds). *Merakayasa Kearifan Tempatan: Citra Seni dalam Teknologi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Awg Asbol Haji Mail. (2015). "Imej Telur dan Ayam dalam Masyarakat Melayu Brunei: Hubungannya dengan Folklore dan Sejarah." *Susurgalur Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*. Asosiasi Sarjana Pendidikan Sejarah Indonesia, No.1 Vol. 3 Mac.
- Azlina Musa dan Yusmilayati Yunos. (2013). "Bomoh Nombor Ekor: Satu Kajian Kes di Pasir Mas, Kelantan." *Jurnal Melayu*, 11: 110 - 122.
- Eizah Mat Hussain. (2016). *Simbol dan Makna dalam Pantun Melayu Bingkisan Permata. Tesis Kedoktoran*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Hamidah Abdul Wahab. (2013). "Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak". *International Journal of The Malay World and Civilisation (Iman)*, 1 (1), 89 – 97).
- HAMKA. (2007). *Lembaga Hidup*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Haron Din. (2008). *Artikel Amalan-amalan Khurafat di Kalangan Jemaah Haji*. <http://www.darussyifa.org/modules.php?nama=News&file=print&sid=58>.
- Harun Mat Piah. (2015). "Ilmu Perubatan Melayu Tradisional dari Naskhah-naskhah Lama." *International Journal of The Malay World and Civilisation (Iman)*, 3 (3): 3 - 17.
- Hashim Awang. (1989). *Kajian Sastera: Suatu Pendekatan Melayu*. Dewan Sastera. Disember: 60 - 63.
- Hashim Awang. (1993). "Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air." *Dewan Sastera*. Januari: 56 - 57.
- Hashim Awang. (1999). "Teori Sastera Sendiri: Pengkaedahan Melayu." Kertas Kerja dibentangkan dalam *Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri* anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, di Hotel The Summit USJ 1. 6 - 8 Disember.

- Hashim Awang. (2002). "Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya." *Kertas Kerja dalam Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka*, Melaka: Riviera Bay Resort 28 - 29 Jun.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ismail Hamid. (1995). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi. (2017). Fungsi Simbol dalam Mantera Melayu Berdasarkan Model Peirce Hashim Awang. *Tesis Kedoktoran*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Anuar Ramli dan Syamsul Azizul Marinsah. (2014). "Kepercayaan Kenan dalam Masyarakat Melayu: Kajian dari Perspektif Hukum Islam." *Jurnal Manusia dan Masyarakat* (25).
- Mohd. Farhan Md Ariffin. (2015). Analisis Hadith Mengenai Haiwan Fasiq Dalam Al-Kutub Al-Sittah: Kajian Terhadap Persepsi Masyarakat Melayu di Daerah Pengkalan Hulu, Perak. *Tesis Sarjana*. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd. Firdaus Che Yaacob et. al., (2017). "Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu". *International Journal of Language Education and Applied Linguistic (IJLEAL)*. Vol. 6, 35 - 44.
- Mohd. Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd. Rahim. (2016). "Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu." *Journal of Business and Social Development*. Volume 4 Number 2. September: 48 - 57.
- Mohtar H. Md. Dom. (1997). *Kepercayaan dan Pantang Larang*. Petaling Jaya: Federal Publications Sdn. Bhd.
- Muhamad Dato Muda. (1948). *Pantang Larang Orang Tua-tua Melayu kepada Anak Cucunya*. Kuala Pilah: Malay Press.
- Muhammad Haji Salleh. (2008). *Permata di Rumput, Gilang Sastera sebagai Ruang Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Hilmi Jalil dan Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2013). "Kepentingan Kesihatan Diri Dalam Pembangunan Insan: Analisis Karya Falsafah Hamka." *Jurnal Hadhari*. 5 (2) 53-66
- Muhammad Zaid Daud et. al., (2018). "Analisis Semiotik Peribahasa Banjar Bersumberkan Ular (Serpentes)." *MALTESAS Multi – Disciplinary Research Journal (MIRJO)*. Vol. 3, Issue. 2, PP 1 – 7, May.
- Mustafa Haji Daud. (1995). *Budi Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Neishem, M. C., R. E. Austic and L. E. Card. (1979). *Poultry Production*. 12<sup>th</sup> ed. Lea and Febiger. Philadelphia.
- Noraini Abdul Shukor dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali. (2016). "Padi sebagai Tanda dalam Peribahasa Melayu." *Jurnal Melayu*. Bil. 15 (1).
- Noor Hasimah M. Yacob et. al., (2015). "Pantang Larang Tradisional di Kalangan Masyarakat Melayu." *Journal of Faculty Accountancy*. Pahang: Universiti Teknologi MARA.
- Nor Partinee Ghafar. (1996). Penggunaan Bahasa Tabu dalam Kalangan Penulis Melayu: Kajian Berdasarkan Karya Kreatif. *Latihan Ilmiah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norman M. Norawi. (2008). *Hindari Kanser dengan Antioksidan*. Kuala Lumpur: Truwealth Publishing.
- Nurmalina. (2015). "Pantang Larang dalam Masyarakat Kampar dan Relevansinya dengan Pendidikan Karakter." *Jurnal Paud Tambusai 1* (1). 27 – 35.

- Rahman Shaari. (2001). *Kamus Kata Klasik Panduan Kajian Prosa dan Puisi Tradisional*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rohaliza Mohd. Ali. (2011). *Warisan Kepelbagaian Budaya di Malaysia*. Ampang: Zufad Enterprise.
- Roslina Abu Bakar. (2016). "Alam dan Budaya Masyarakat Melayu dalam Hikayat Pelanduk Jenaka". *Jurnal Kesidang*. Jilid 1: 20 – 49.
- Sayyid Muhammad Amin 'Idrus. (2013). *Kitab Adab Mencakupi 50 Adab dalam 50 Keadaan*. Jawa Timur, Indonesia: Pustaka Syeikh Abu Bakar Salim.
- Stella Van Petten Henderson. 1947. *Introduction to Philosophy of Education*. Chicago: TheUniversity of Chicago Press.
- Tengku Azeezeen Tengku Shamsudden. (2011). Unsur Haiwan dalam Peribahasa Melayu dan Cina: Satu Perbandingan. *Tesis Sarjana*. Universiti Malaya.
- Wan Zaharah Megat Hashim. (1993). *Mamalia*. Kuala Lumpur: Fargoes Sdn. Bhd.
- Zahari Mahad Musa. (2010). "Fiqh al-Biah: Prinsip Interaksi Manusi dengan Alam Sekitar." *Jurnal Syariah*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam.